

TARIKH	30 / 3 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	47	RUANGAN	SETEMPAT

Kompleks khas mualaf

MAIWP bina rumah perlindungan untuk saudara baru guna sukatan pelajaran ditetapkan

Mohd Sabran Md Sani

KUALA LUMPUR: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan membina sebuah kompleks khas yang menjadi rumah perlindungan kepada saudara baru dengan menggunakan sukatan pelajaran dan kurikulum pendidikan ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kompleks yang akan dibangunkan di Sentul itu akan menempatkan 300 bilik sekali gus menampung keperluan golongan berkenaan di Wilayah Persekutuan.

"Kami akan susunkan saudara baru di kompleks terbabit. Kami sediakan sukatan pelajaran dan kurikulum pendidikan untuk mereka menjadi Muslim yang benar-benar dapat memahami Islam dan juga amalan konsep fardu ain dan fardu kifayah.

"Yang harus dilaksanakan, kompleks itu bukan sekadar penempatan untuk saudara baru; tetapi menjadi tempat kepada golongan terbabit mencari ilmu dan kita fikirkan bagaimana nak serapkan mereka dengan ruang waktu belajar yang sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian sejurus menyaksikan Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Lembaga Tabung Haji berjumlah kira-kira RM3.8 juta yang disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail untuk diserahkan kepada Pengerusi Pusat Pungutan Zakat MAIWP, Datuk Mustafa Abdul Rahman.

Hadir sama, Pengerusi Ta-

bung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.

Jamil Khir berkata, sehubungan itu MAIWP sedang membuka tender kepada kontraktor untuk membolehkan projek pembinaan kompleks berkenaan dapat direalisasikan sekali gus memberi bimbingan kepada saudara baru untuk mendalami Islam.

"Bahkan kita juga memikirkan kebajikan mereka semasa berada di situ. Jadi dengan pendekatan ini akan memberikan manfaat dan akan menambah baik kepada saudara baru kerana mungkin pada waktu sekarang sebahagian yang masuk Islam tidak didekati.

"Kita dedahkan latihan, proses beri ilmu, kalau tak boleh baca al-Quran dan tak biasa sembahyang inilah tempat dan ruang untuk mendidik mereka dengan guna pendekatan yang lebih terkini, guna kaedah yang boleh memudahkan," katanya.

Beliau berkata, kompleks terbabit belum pernah dibina di tempat lain serta boleh dijadikan sebagai contoh untuk ditubuhkan.

"Kompleks ini belum pernah dilaksanakan di mana-mana tempat, tetapi MAIWP menjadi peneraju dan akan buat secara lebih 'holistik'. Contohnya, jika orang itu bekerja, kita kena fikirkan bagaimana nak gantikan kelas.

"Kita akan fikir kelas sebelah malam, bila mereka hilang mata pencarian, kita kena fikir ruang ganti mata pencarian. Kita tengok keadaan yang memudahkannya, ada rumah keluarga disediakan, dua tahun dari seka-

rang," katanya.

Sementara itu, Jamil Khir dalam ucapannya berkata, kira-kira 300 golongan asnaf dikesan Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP untuk membantu golongan berkenaan dengan gerakan dilakukan menerusi pendekatan turun padang.

"Skuad ini turun padang setiap minggu dalam usaha menjejaki golongan asnaf di seluruh Wilayah Persekutuan. Kita berharap skuad ini berjaya menjejaki mereka yang benar-benar layak diberi bantuan zakat," katanya.



SERAH...Jamil Khir (dua kiri) menyaksikan penyerahan cek zakat perniagaan, semalam.